

24 September 2021-Hong Kong
Siaran Berita

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Pelayanan Maya Sister Jean B. Bingham dan Sister Camille N. Johnson di Asia

Meskipun pandemik telah menyukarkan perjalanan antarabangsa, ia tidak menghentikan para pemimpin Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir melayani ahli-ahlinya. Teknologi canggih membenarkan [Sister Jean B. Bingham](#), presiden umum [Lembaga Pertolongan](#), dan [Sister Camille N. Johnson](#), presiden umum [Sekolah Primer](#), untuk melawat [Kawasan](#) Asia secara maya dari 4-12 Sep.




Secara kolektif, mereka telah melawat 11 negara dan wilayah, termasuk Hong Kong, Macau, Taiwan, Thailand, Kemboja, Singapura, Malaysia, Indonesia, India, Sri Lanka dan Pakistan. Ini adalah lawatan maya terbesar kawasan yang berasal dari ibu pejabat Gereja di Salt Lake City, Utah. Presidensi Kawasan Asia – Elder David P. Homer, Elder Peter F. Meurs dan Elder Benjamin Tai – menyertai kedua-dua presiden dalam kunjungan itu.

“Kami mengasihi anda,” kata Sister Bingham dan Johnson kepada penonton mereka, melihat skrin televisyen yang dipenuhi dengan para hadirin dari seluruh

Asia. “Kami nampak anda di rumah anda dan kita merasa roh anda, senyuman anda yang cantik dan bersinar. Anda tunjukkan kami bahawa anda mempunyai kesaksian tentang injil; itulah sebabnya anda berada di sini hari ini.”

Matlamat kunjungan mereka adalah untuk tunjukkan kasih dan sokongan kepada para pemimpin Gereja tempatan, ahli-ahli dan kawan-kawan sementara memperkukuhkan iman mereka kepada Kristus. Mereka berucap kepada para pemimpin Sekolah Primer, Lembaga Pertolongan dan presidensi Kuorum Penatua dan pemimpin imamat, memberi nasihat praktikal tentang bagaimana mengembangkan panggilan mereka. Nasihat khusus mereka kepada para ibu bapa kepada kanak-kanak dan remaja dan saudari Lembaga Pertolongan bertumpu pada membawa berkat-berkat iman kepada Yesus Kristus ke dalam kehidupan harian.

Selain daripada pertemuan kumpulan, kedua-dua presiden itu melawat ahli-ahli di rumah mereka. Walaupun beribu-ribu batu jauhnya, ahli-ahli Gereja ini berkata mereka boleh merasakan kasih mereka yang tulen dan menggambarkan kunjungan itu sebagai “peluang yang tidak dapat dilupai.”




“Kami merasakan Roh Kudus dengan begitu kuat di rumah kami [semasa kunjungan itu],” kata keluarga Murdiyanto dari Indonesia. “Pengalaman yang paling tidak dapat dilupakan adalah perbincangan kami tentang rancangan keselamatan dan ucapan-ucapan dari persidangan umum baru-baru ini.”



Kunjungan ini juga termasuk siaran Friend-to-Friend, yang mengandung pesan istimewa dari Sister Johnson kepada kanak-kanak di seluruh Kawasan. Ini kali pertama kanak-kanak telah memimpin dan berdoa dalam pertemuan seluruh Kawasan.

Apabila berucap kepada pemimpin Sekolah Primer, Sister Johnson menggalakkan mereka untuk melayani kanak-kanak setiap hari agar kanak-kanak dapat merasakan kasih Tuhan. Dia menekankan kunjungan bersama kanak-kanak harus kerap, singkat dan sederhana. Ini diulangi oleh Elder Tai yang berkongsi pengalamannya sendiri dan berkata interaksi peribadi membuat perubahan besar dalam kehidupan kanak-kanak.



Sister Johnson juga mengajar pemimpin Sekolah Primer untuk mencipta persekitaran di mana Roh wujud, “Apabila Roh hadir, berhenti dan bertanya kepada kanak-kanak apa yang mereka rasakan. Saya yakin jika kita melakukannya, kita akan menyediakan satu generasi remaja yang tahu merasa Roh dan tahu bagaimana untuk dibimbing.”

Asas ini sekali lagi ditekankan apabila dia berucap kepada para ibu bapa kepada kanak-kanak dan remaja bersama Sister Bingham tentang “Wahyu, Hubungan dan Hak Pilihan.” Mereka ajarkan bukan sahaja penting bagi generasi muda untuk belajar bagaimana Tuhan berbicara kepada mereka, tetapi juga untuk membina perhubungan yang berpusat pada Kristus dan tahu bagaimana menetapkan matlamat dan membuat rancangan untuk diri sendiri. Mereka menggalakkan para ibu bapa untuk menjadikan pengajaran injil harian di rumah satu keutamaan dan menekankan Program Kanak-kanak dan Remaja adalah satu sumber yang baik.



Para saudari ini berkata pekerjaan penyelamatan dan permuliaan mungkin susah untuk difahami, terutamanya bagi kanak-kanak kecil. Mereka berkongsi empat perkara mudah yang menekankan bagaimana Orang Suci Zaman Akhir menyatakan iman mereka:

1. **Menjalani** injil Yesus Kristus
2. **Menjaga** mereka yang memerlukan
3. **Jemput** semua untuk menerima injil
4. **Menyatukan** keluarga untuk keabadian

Apabila melatih presidensi Kuorum Penatua dan Lembaga Pertolongan, Sister Bingham berkata, “Ia adalah penting untuk memahami bahawa para lelaki dan wanita berkerja di bawah kunci-kunci imamat.”



Dia menggalakkan para [imamat](#) dan saudari untuk bekerjasama dalam keharmonian dan menunjukkan bagaimana temu duga pelayanan dapat mengangkat, mengilhami dan mendorong.

Elder Meurs menambah kepada ajaran-ajaran Sister Bingham dengan memetik daripada Nabi Joseph Smith, “Kebergantungan antara lelaki dan wanita dalam melaksanakan pekerjaan Tuhan melalui kuasa-Nya adalah pusat injil Yesus Kristus.”

Kunjungan itu berakhir dengan pertemuan rohani Lembaga Pertolongan, yang merupakan pertemuan terbesar, meliputi tujuh negara dan wilayah dengan kira-kira 2,000 peserta. Bercakap kepada [para wanita di Gereja](#) di seluruh Asia, Elder Homer mengingatkan pendengar bahawa Presiden Gordon B. Hinckley mengajar bahawa “Wanita adalah ciptaan agung Tuhan.”

“Kadangkala orang, kadangkala masyarakat, melayan wanita seolah-olah mereka tidak penting seperti lelaki di dunia,” kata dia. “Bagi saya nampaknya ajaran Gereja bertentangan dengan itu.”

Sister Bingham mengingatkan semua saudari bahwa wanita mempunyai pengaruh yang tidak terhitung terhadap keluarga dan Gereja Tuhan.



Namun, dia berkata kadangkala wanita membandingkan diri mereka dengan orang lain, menyebabkan mereka tidak puas hati dan tidak harmoni. Dia menasihati para saudari untuk mengelakkan gangguan dunia, berhenti berfikir mereka kurang bernilai daripada nilai sebenar mereka, dan untuk menghapuskan pertikaian dari kehidupan mereka.

“Memusatkan fikiran dan tindakan terhadap Yesus Kristus akan membantu kita mencari cara untuk mengangkat orang lain dan juga diri sendiri, dan bertindak dengan cara yang lebih tinggi dan lebih kudus,” kata Sister Bingham.

Dia meninggalkan penonton dengan dua soalan:

- Apakah yang anda boleh lakukan untuk membantu anda mengingati keutamaan abadi?
- Apakah yang anda boleh lakukan untuk mengurangkan pertikaian di kalangan mereka yang anda hidup dan bekerja bersama?

Dia mengakhiri dengan meyakinkan para wanita tentang nilai peribadi mereka dan mengingatkan mereka bahawa mereka mempunyai kurnia unik untuk memberkati orang lain dan membantu menubuhkan kerajaan Tuhan di bumi.

“Potensi anda tidak terbatas,” kata dia. “Anda ingat siapa anda, mengapa anda berada di bumi, dan di mana anda ingin pergi, anda akan dapat mencapai melalui Juruselamat kita Yesus Kristus segala yang anda telah berjanji untuk lakukan.”